

SOALAN NO.: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 25 MAC 2015

SOALAN :

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan adakah Kementerian akan menaikkan paras harga SMR
20 FOB yang kini berada pada RM4.60 sekilogram bagi mengaktifkan
Insentif Pengeluaran Getah (IPG) untuk membantu pekebun kecil dan
penoreh getah berikutan kejatuhan harga komoditi itu dan pada masa
yang sama menanggung beban kos sara hidup yang semakin tinggi.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi adalah dalam peringkat akhir mengkaji cadangan menaikkan paras harga pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah (IPG), dan keputusannya akan dimaklumkan dalam masa yang terdekat ini.

Sebagai Kerajaan yang amat prihatin kepada masalah dan kebajikan pekebun-pekebun, hasrat kita ialah supaya skim IPG lebih bermakna dan memberi manfaat kepada kesemua pekebun kecil getah di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.